

Headline	Dasar pengambilan ke MRSM kekal		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	06 Sep 2021	Language	Malay
Circulation	107,609	Readership	322,827
Section	Dlm Negeri	Page No	5
ArticleSize	339 cm <sup>2</sup>	Journalist	MOHD. RIFAAT ABD.
PR Value	RM 41,747		



**MAHDZIR Khalid (tengah) menyerahkan mesin hemodialisis sumbangan Pelitawanis TNB kepada Hospital Kuala Nerang di Padang Terap, semalam. - UTUSAN/MOHD. RIFAAT ABD. HAMID**

# Dasar pengambilan ke MRSM kekal

Oleh **MOHD. RIFAAT ABD. HAMID**  
 utusannews@mediamulia.com.my

**PADANG TERAP:** Kerajaan mengekalkan dasar pengambilan pelajar ke Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan cadangan perubahan yang diumumkan sebelum ini tidak akan digunakan pakai.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, semua pelajar tanpa mengira aliran berhak mendapat peluang untuk memasuki ke MRSM atas semangat 'Keluarga Malaysia'.

"Saya hendak tegaskan dasar dan syarat kemasukan ke MRSM kita kembalikan kepada syarat asal seperti sebelum ini bagi memberi peluang kepada semua

pelajar untuk memohon.

"Kelayakan dan pemilihan pelajar pula dibuat berdasarkan kepada Ujian Kecenderungan Kemasukan MRSM (UKKM) yang menguji kecenderungan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) serta keperibadian pelajar," katanya selepas Majlis Penyerahan Sumbangan Amal Pelitawanis TNB di Hospital Kuala Nerang di sini semalam.

*Utusan Malaysia* semalam melaporkan MRSM dirayu tidak menghadkan permohonan kemasukan daripada kalangan pelajar Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Kebangsaan, sebaliknya diperluaskan kepada pemohon sekolah aliran agama.

Mahdzir yang juga Ahli Parlimen Padang Terap menambah, dasar 10 peratus pengambilan pelajar bukan

Bumiputera juga kekal dan tiada sebarang perubahan.

Jelasnya, pada masa ini, MRSM hanya mampu menampung sebanyak 7,500 pelajar tingkatan satu dan 2,000 pelajar tingkatan empat bagi setiap sesi pengambilan tahunan.

Bagaimanapun katanya, permohonan yang diterima tahun ini pula berjumlah 77,834 bagi tingkatan satu dan 24,495 bagi tingkatan empat untuk sesi kemasukan 2022.

Selain itu tambahnya, dasar Mara menyasarkan untuk menyediakan kuota 60 peratus kepada pelajar cemerlang dalam kalangan keluarga B40 bagi mengikuti pengajian di MRSM.

Bilangan MRSM di seluruh negara adalah 55 buah dan mampu menampung 37,198 pelajar.